

UMP Memasyarakatkan Teknologi di Tammalang Hilir Satun



Merealisasikan hasrat memasyarakatkan teknologi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) membawa kepakaran ke lapangan dengan memasang tiga lampu solar menerangi tiga jeti di Kampung Tammalang Hilir Satun Thailand sempena Program Misi Kemanusiaan We Love We Care. Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor dan Persatuan Wanita UMP(Matahari) ini memberi peluang kepada peserta untuk tinggal bersama keluarga angkat, mengenali lebih dekat corak kehidupan, adat resam dan budaya masyarakat di Tammalang. Hadir merasmikan majlis, Kolonel Pansawat Malarat, Internal Security Operation Wilayah Satun yang hadir mewakili Gabenor Satun, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid, Penghulu Kg. Tammalang Nasir Dinman dan Ketua Pegawai Eksekutif, SAO Tammalang, Chainan Longsama.



Menerusi program ini pelajar bersama masyarakat kampung menjayakan aktiviti khidmat masyarakat termasuk bergotong-royong memasak, menjalankan aktiviti mewarna kanak-kanak. Bagi Pendaftar UMP, Abd Hamid berkata, kunjungan buat kali keempat ini amat dinanti penduduk di Tammalang untuk beramah mesra dan bertemu sendiri dengan sukarelawan. "Selain bertemu masyarakat desa, program memasyarakatkan teknologi diadakan dengan memasang solar panel dan UMP dan penduduk kampung ini juga dapat mewujudkan semangat setiakawan yang telah lama wujud di antara dua negara iaitu Malaysia dan Thailand," katanya yang hadir merasmikan program.



Bukan itu sahaja turut dijalankan menggunakan hasil produk PISOPTERA® berteknologi hijau pertama di Malaysia yang mesra alam dalam menangani masalah berkaitan dengan serangan anai-anai. Produk UMP Ecopest Sdn Bhd merupakan syarikat terbitan UMP dalam mengkomersilkan produk kawalan anai-anai dan produk kawalan serangga (PestKilla). Ianya juga mendapat fasilitasi pengkomersilan melalui dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) di bawah Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC). Manakala pembinaan inkubator boleh digunakan untuk penetasan telur secara efektif dan berkesan, meningkatkan kadar penetasan telur dan ianya boleh juga digunakan sebagai pengering ikan masin. Katanya, dengan kepakaran kejuruteraan, saintifik dan teknologi dimiliki UMP yang sangat berkait rapat dengan isu-isu yang paling pokok di peringkat masyarakat.



Pada kali ini juga Persatuan Wanita UMP turut menyampaikan sumbangan tunai dan keperluan telekung untuk diwakafkan di Masjid. Beliau mengharapkan program ini nanti menjadi kebanggaan pelajar dan sebagai kenangan yang tidak akan dilupakan selepas menamatkan pengajian nanti. Tambahan pula para sukarelawan kali ini juga membabitkan mahasiswa yang dipilih dalam kalangan pemenang biasiswa MyGiftUMP.

Bagi peserta, Yeoh Yuan Xin mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli berkata, pengalaman ini amat bermakna apabila berpeluang tinggal bersama keluarga angkat yang begitu mesra dan belajar berbahasa Siam. Begitu juga dengan Intan Nur Liyana Azhar mahasiswa Fakulti Sains dan Teknologi Industri dan rakannya, Nurhasniza Mamajan Khan yang tinggal bersama keluarga angkat berpeluang menyertai aktiviti di perkampungan nelayan serta belajar membuat kuih-muih masyarakat di sini.

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 18-12-2017, 12:45:12